

Konsep *Istibdal* Harta Wakaf menurut Perspektif Islam

BITARAVolume 2, Issue 3, 2019: 022-033
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Aisyah Yasmin Che Mohd Amin¹ & Mohd Zamro Muda¹

Abstrak

Konsep *istibdal* harta wakaf merupakan satu cara untuk membangunkan harta wakaf agar lebih produktif dan berupaya menyediakan pelaburan kewangan yang lebih stabil. Untuk melaksanakan *istibdal* harta wakaf, terdapat beberapa syarat telah ditetapkan bagi menjamin pelaksanaan konsep tersebut supaya selaras dan menepati syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha. Justeru, aspek yang ditekankan dalam kajian ini adalah pendirian mazhab Sunni terhadap *istibdal* harta wakaf. Objektif utama kajian ini adalah bagi mengenal pasti konsep *istibdal* terhadap harta wakaf menurut pandangan fuqaha. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan. Fakta dan hujah daripada bahan-bahan perpustakaan seperti buku-buku ilmiah, kitab-kitab *turath*, jurnal, akhbar, dan kertas kerja diteliti, dinilai serta dianalisis secara deskriptif. Pada keseluruhan kajian, didapati pelaksanaan konsep ini banyak memberi manfaat dan faedah kepada masyarakat awam berbanding ia dikekalkan dalam bentuknya yang asal. Hakikatnya, pelaksanaan konsep ini turut menzahirkan kelenturan serta keutuhan sistem wakaf dalam menyediakan kemudahan dan bantuan kepada umat Islam.

Kata Kunci

Istibdal; wakaf; pelaburan; mazhab Sunni

Cite This Article:

Aisyah Yasmin Che Mohd Amin & Mohd Zamro Muda. 2019. Konsep *istibdal* harta wakaf menurut perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 022-033.

Pengenalan

Konsep *istibdal* merupakan salah satu kaedah yang efisien dan sesuai untuk pembangunan harta wakaf. Harta-harta wakaf tersebut dapat dielakkan daripada terus terbiar tanpa ada kemajuan serta dapat memberi hasil dan manfaat yang boleh dibelanjakan untuk jalan kebaikan. Namun demikian, kaedah *istibdal* harta wakaf bukanlah satu kaedah yang boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya kerana ia perlu mematuhi segala prinsip dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para fuqaha' agar pelaksanaan *istibdal* terhadap sesuatu harta wakaf itu benar-benar mengikut apa yang telah digariskan oleh syarak dan tidak bercanggah dengan tujuan sebenar wakaf. Justeru, perbincangan mengenai *istibdal* harta wakaf ini merangkumi beberapa perkara yang akan dikaji berdasarkan pandangan mazhab Sunni yang meliputi hukum *istibdal*,

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:


Mohd Zamro Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: zamro@ukm.edu.my

bentuk harta wakaf yang boleh diistibdalkan serta syarat-syarat harta wakaf yang boleh dilibatkan dengan *istibdal* dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Konsep *Istibdal* Harta Wakaf menurut Islam

Konsep *Ibdal* dan *Istibdal*

Dalam perbincangan tentang konsep *istibdal* terdapat dua perkataan yang saling berkait rapat iaitu perkataan *ibdal* dan *istibdal*. Perkataan *ibdal* bermaksud mengeluarkan sesuatu harta wakaf daripada konsep wakaf (iaitu ia tidak boleh dijual, dihibah atau diwarisi) dengan menjualkannya. Manakala perkataan *istibdal* ialah membeli suatu harta yang lain dengan hasil jualan supaya dijadikan sebagai harta wakaf bagi menggantikan harta yang dijual dan harta tersebut dikenali dengan harta badal atau *amwal al-badal* (Abu Zahrah t.th.; al-Zuhayli 2002). Oleh itu, apabila sesuatu *istibdal* itu boleh dilaksanakan maka perlu terlebih dahulu melakukan proses *ibdal* harta wakaf tersebut. Proses pelaksanaan *istibdal* harta wakaf boleh dilihat dalam Rajah 3.1 di bawah:



Rajah 1: Proses pelaksanaan *istibdal*

Di samping itu, istilah *istibdal* turut memberi maksud menjual apa yang kurang atau telah hilang kemasukan atau hasil daripada harta wakaf dan membeli apa yang lebih baik daripadanya, serta menjadikannya sebagai ganti (Qal'aji 1985).

Sesuatu pelaksanaan *istibdal* itu boleh dilakukan apabila sesuatu harta wakaf itu tiada hasil yang boleh diperolehi daripada harta tersebut atau apabila mendapati sesuatu harta wakaf itu tidak lagi mendatangkan sebarang manfaat atau ianya tidak lagi menepati tujuan asal wakaf. Ini kerana *istibdal* merupakan satu cara bagi mengekalkan harta wakaf supaya ia berterusan memberikan manfaat dan hasil di samping memelihara tujuan asal wakaf yang mana pengekalan sesuatu manfaat harta itu adalah dengan mengekalkan *ayn* atau fizikal harta tersebut (Abu Zahrah t.th).

***Istibdal* Harta Wakaf dari Perspektif Mazhab Sunni**

Ulama fiqh mengharuskan pelaksanaan *istibdal* harta wakaf dalam konteks yang berbeza-beza berpanduan kepada situasi, faktor, dan jenis sesuatu harta wakaf yang boleh dilibatkan dengan *istibdal*. Oleh itu, pendapat mereka akan dibincangkan dengan lebih terperinci mengikut pendapat mazhab Sunni seperti berikut:

Mazhab Hanafi

Konsep *istibdal* ke atas harta wakaf diterima pakai dalam mazhab Hanafi dan mereka memberi ruang yang luas untuk melaksanakan *istibdal* ke atas sesuatu harta wakaf di samping memelihara kelangsungan wakaf serta tujuan wakaf yang dibuat oleh pewakaf.

Namun demikian, ruang terhadap sesuatu *istibdal* itu hanya melibatkan harta wakaf bukan masjid. Dalam mazhab Hanafi, pelaksanaan *istibdal* terhadap wakaf masjid yang tidak lagi digunakan atau yang mengalami kerosakan mengalami kerosakan adalah tidak diharuskan walau dalam apa jua keadaan sekalipun sama ada ianya dijual atau diganti dengan sesuatu yang lain.

Menurut pendapat Imam Abu Yusuf, masjid tidak boleh dilibatkan dengan sesuatu *istibdal* sekiranya terjadi kerosakan dan ianya kekal sebagai harta wakaf. Pandangan ini turut merupakan pandangan Imam Abu Hanifah (Ibn al-Humam 1977). Selain itu, segala peralatan masjid tidak boleh dijual kecuali setelah mendapat arahan daripada Qadi dan hasilnya digunakan kepada masjid lain (al-Zuhayli 2002).

Namun demikian, Imam Muhammad pula berpendapat bahawa harta wakaf (masjid) tersebut perlu diserahkan kembali kepada pewakaf jika pewakaf masih hidup atau diserahkan kepada ahli waris sekiranya pewakaf sudah meninggal dunia (Ibn al-Humam 1977).

Selanjutnya, perbincangan mengenai *istibdal* di dalam mazhab Hanafi terbahagi kepada tiga situasi seperti berikut (Ibn 'Abidin 1944):

Situasi pertama: Sekiranya pewakaf menetapkan hak untuk menjalankan *istibdal* pada dirinya atau pihak lain atau kedua-duanya sekali seperti mana yang telah ditetapkan ketika wakaf dibuat, maka dalam hal ini, *istibdal* adalah diharuskan. Pandangan ini adalah pandangan Imam Abu Yusuf dan juga merupakan pandangan yang tepat di dalam mazhab Hanafi (al-Sarkhasi t.th.; Ibn al-Humam 1977).

Berbeza dengan pendapat Imam Muhammad yang menyatakan bahawa lafaz wakaf yang dibuat itu adalah sah tetapi syarat menetapkan hak *istibdal* ketika wakaf adalah tidak sah kerana ianya tidak membawa maksud kekal (*al-ta'bid*) (Ibn al-Humam 1977). Pandangan ini dinafikan oleh kebanyakan ulama dalam mazhab Hanafi kerana mereka beranggapan bahawa *istibdal* adalah satu cara bagi mengekalkan sesuatu harta wakaf serta memelihara kelangsungan harta tersebut dan sekali gus membatalkan maksud *al-ta'bid* di dalam lafaz wakaf.

Bagi situasi seperti di atas, pelaksanaan *istibdal* adalah diharuskan walaupun rujukan kepada Qadi tidak dibuat (Abu Zahrah t.th.). Demikian juga, jika harta wakaf tersebut masih mempunyai manfaat atau hasil kerana ianya dianggap sebagai menyempurnakan syarat yang telah dibuat oleh pewakaf tetapi ia tidak dibenarkan mengurangkan atau menghilangkan hasil

wakaf tersebut bahkan *istibdal* dilakukan adalah bagi memelihara kelangsungan wakaf dan tujuan asal pewakaf.

Situasi kedua: Sekiranya pewakaf tidak menetapkan (menyebut) sama ada *istibdal* boleh dilakukan atau tidak ketika wakaf dibuat atau pewakaf menetapkan bahawa *istibdal* tidak boleh dilakukan tetapi harta wakaf tersebut tidak boleh dimanfaatkan lagi dan tiada hasil atau manfaat yang diperolehi mengikut tujuan asal pewakaf, maka *istibdal* boleh dilakukan dengan membuat rujukan dan mendapatkan keizinan daripada Qadi terlebih dahulu.

Situasi ketiga: Sekiranya pewakaf tidak menetapkan syarat *istibdal* ketika wakaf dibuat tetapi harta wakaf masih mendatangkan manfaat atau hasil dan *istibdal* dilakukan hanya bagi mendapatkan hasil atau manfaat yang lebih banyak, maka dalam hal ini *istibdal* tidak diharuskan.

Oleh yang demikian, dalam hal yang melibatkan situasi kedua, ulama Hanafi menetapkan beberapa perkara yang perlu diambil kira sebelum melaksanakan sesuatu *istibdal* iaitu (Ibn ‘Abidin 1944):

- a. Harta wakaf tersebut mestilah tiada lagi manfaat atau hasil yang boleh diperolehi daripada harta wakaf tersebut.
- b. Tiada hasil atau manfaat yang dijangkakan boleh memajukan harta wakaf tersebut.
- c. *Istibdal* ke atas harta wakaf tidak boleh dilakukan melalui penipuan yang keji.
- d. Jika harta wakaf tersebut daripada jenis harta tak alih, maka ia hendaklah digantikan dengan harta tak alih juga (Abu Zahrah t.th.).
- e. Sesuatu pelaksanaan *istibdal* perlu mengambil kira pandangan Qadi al-Jannah iaitu mereka yang berilmu dan beramal dengannya supaya *istibdal* yang dilakukan tidak menyebabkan terjadinya kehilangan harta yang diwakafkan.
- f. Harta wakaf tersebut tidak harus digantikan dengan dinar atau dirham (harta alih) supaya ianya tidak disalah gunakan oleh pentadbir wakaf (Ibn ‘Abidin 1944).
- g. Harta wakaf yang hendak dijadikan sebagai ganti mestilah lebih baik daripada yang pertama (Abu Zahrah t.th.).
- h. *Istibdal* tidak boleh dilakukan oleh Qadi jika melibatkan seseorang itu yang tidak layak menjadi saksi seperti orang kafir. Demikian juga seseorang yang berhutang dengan Qadi berkenaan. Hal Ini kerana jual beli dalam kedua-dua situasi tersebut akan membawa kepada risiko terjadinya kesangsian dan kehilangan harta wakaf.

Mazhab Maliki

Kebanyakan ulama dalam mazhab Maliki tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan ke atas harta wakaf dari jenis harta tak alih (aqar) sekalipun telah jelas ianya tidak lagi memberikan sebarang manfaat atau hasil.

Hanya sebahagian daripada ulama Maliki mengharuskan *istibdal* dilakukan ke atas harta wakaf tak alih yang tidak lagi mendatangkan sebarang manfaat atau hasil kepada penerima atau pemegang amanah wakaf dan disyaratkan harta tersebut perlu ditukar dengan harta daripada jenis harta yang sama.

Menurut Imam Malik pula, pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tak alih (*aqar*) adalah tidak diharuskan sama sekali kecuali jika terdapat *masalahah* yang memerlukan *istibdal* dilakukan atau ianya dilakukan demi kepentingan awam seperti meluaskan kawasan perkuburan, masjid, jalan awam dan sebagainya walaupun harta wakaf tersebut diambil secara paksa oleh orang-orang yang berhak ataupun nazir (al-Dardir t.th.). Beliau turut menegaskan bahawa *istibdal* tidak boleh dilakukan terhadap harta wakaf yang masih mendatangkan hasil (Abu Zahrah t.th.).

Manakala dalam perkara yang melibatkan harta wakaf dari jenis harta alih (*manqul*), *istibdal* ke atas harta wakaf adalah diharuskan dalam mazhab Maliki dan ianya adalah disepakati oleh semua ulama. Hal ini kerana, jika ditegah daripada melakukan *istibdal* ianya akan membawa kepada kerosakan dan kemudian musnah (al-Kasnawi t.th.). Imam Malik turut menyatakan pendapatnya dalam hal ini, iaitu apabila binatang yang diwakafkan bagi tujuan peperangan telah lemah sehinggakan ianya tidak lagi menjadi sebagai satu elemen kekuatan di dalam peperangan, oleh itu, juallah ia dan belilah sesuatu yang bermanfaat seperti kuda dengan hasil jualannya maka jadikanlah ia sebagai wakaf di jalan Allah S.W.T (Abu Zahrah t.th.).

Sebagai contoh lain, harta alih yang dikhuatiri akan turut musnah atau rosak jika dibiarkan di dalam sebuah wakaf masjid yang tidak lagi digunakan maka harta tersebut boleh dijual dan hasilnya digunakan kepada masjid yang lain.

Manakala dalam hal yang melibatkan wakaf masjid, ulama mazhab Maliki berpendapat bahawa *istibdal* tidak harus dilaksanakan walaupun terjadi kemusnahan atau kerosakan (al-Kasnawi t.th.).

Mazhab Shafi'i

Bagi ulama mazhab Syafi'i, ruang untuk mengharuskan pelaksanaan *istibdal* ke atas harta wakaf amatlah sempit. Terutamanya larangan terhadap *istibdal* harta wakaf masjid. Larangan ini juga hampir sama dengan pandangan mazhab Maliki yang menegah penjualan wakaf masjid JIKA terjadi kerosakan atau runtuh (Abu Zahrah t.th.). Walaupun kerosakan yang berlaku menyebabkan solat tidak boleh dilakukan di dalamnya dan ia juga tidak boleh dikembalikan kepada sesiapa pun (al-Zuhayli 2002).

Namun demikian, ada juga pandangan yang mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap wakaf masjid, bila mana ianya berada dalam keadaan yang dibimbangi akan roboh. Akan tetapi, ianya mestilah mendapat kebenaran daripada Qadi. Sekiranya Qadi memberikan kebenaran bahawa ia boleh dirobohkan maka *istibdal* boleh dilaksanakan dan hendaklah dibina sebuah masjid lain sebagai ganti. Menurut pendapat itu lagi, pembinaan masjid kedua yang mana ianya menggantikan masjid yang pertama, sebaik-baiknya mestilah dibina berhampiran dengan kawasan masjid yang dirobohkan.

Seterusnya dalam hal yang melibatkan harta wakaf dari kategori harta tak alih, terdapat pandangan yang cuba menutup ruang untuk melakukan *istibdal*. Ini kerana sebahagian ulama Shafi'i menegah pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tersebut. Manakala sebahagian ulama yang lain hanya mengharuskan *istibdal* dilaksanakan apabila telah jelas harta tersebut tidak lagi mendatangkan sebarang manfaat atau hasil (Abu Zahrah t.th.).

Hal yang sama terjadi dalam situasi yang melibatkan harta wakaf daripada jenis harta alih (*manqul*) yang tidak lagi mendatangkan sebarang manfaat. Di mana, terdapat perbezaan

pendapat di kalangan ulama Shafi'i dalam mengharuskan pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tersebut. Sebahagian ulama mazhab Shafi'i tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap harta tersebut walau dalam apa jua keadaan sekalipun sama ada menjual atau menggantikan dengan sesuatu yang lain seperti mana masjid yang tidak boleh dilibatkan dengan *istibdal* (al-Shirazi 1995).

Sebagai contoh, seorang pewakaf mewakafkan pohon kayu dan pohon itu menjadi kering atau mewakafkan seekor kambing dan kemudian binatang itu menjadi tua, maka kedua-dua harta tersebut tidak harus dijual sekalipun ia tidak memberikan sebarang manfaat kepada penerima wakaf. Sekiranya ia boleh dimanfaatkan sebagai bahan bakar (pohon kayu) atau disewakan untuk mendapatkan hasil (binatang), maka ianya terpulang kepada penerima wakaf. Namun, pelaksanaan *istibdal* tetap ditegah dalam hal ini (al-Ramli 1993).

Namun demikian, ada pandangan lain yang mengharuskan pelaksanaan *istibdal* sama ada menjual atau menggantikan harta tersebut. Ini kerana, harta tersebut lebih wajar dijual daripada dibiarkan rosak dan tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Menurut pendapat itu lagi, menjual atau menggantikan harta alih (*manqal*) tersebut berbeza dengan menjual masjid yang mengalami kerosakan kerana sembahyang masih boleh dilakukan di atas lantainya maka dengan sebab itu masjid tidak diharuskan untuk dijual (al-Shirazi 1995).

Mazhab Hanbali

Pandangan ulama mazhab Hanbali ke atas pelaksanaan sesuatu *istibdal* merupakan satu pandangan yang agak terbuka berbanding dengan pandangan mazhab-mazhab yang lain. Ini jelas dapat dilihat dalam perkara yang melibatkan sebuah masjid yang boleh dijual apabila tidak lagi menepati tujuan perwakilan atau objektif sebuah masjid didirikan. Sebagai contoh, apabila keluasan sebuah masjid tidak dapat menampung jumlah Jemaah yang ramai dan keluasannya tidak boleh ditambah kerana tidak memiliki kawasan lain di sekelilingnya atau disebabkan tidak mempunyai peruntukan untuk menambah keluasannya. Maka dalam hal ini masjid tersebut boleh dijual atau ditukar ganti (Ibn Qudamah 1969).

Seperti mana juga, jika sesebuah wakaf masjid itu tidak lagi digunakan oleh penduduk disebabkan berlakunya perpindahan penduduk ke tempat lain ataupun disebabkan runtuh atau berlaku kerosakan (Ibn Qudamah 1969). Oleh itu, apabila sebuah wakaf masjid itu dijual maka nilainya hendaklah digunakan kepada masjid lain yang memerlukan (Abu Zahrah t.th).

Pendapat ini bersandarkan kepada amalan *istibdal* yang dibuat oleh 'Umar al-Khattab yang telah mengarahkan seorang sahabat bernama sa'ad untuk memindahkan masjid yang terletak di Kufah walhal masjid tersebut masih lagi digunakan oleh penduduk di Kufah. Manakala tempat asal masjid itu, dijadikan pasar di Tammarin (sebuah daerah di Kufah) bagi penduduk setempat (Ibn Taymiyyah 2005).

Walaupun pandangan mazhab Hanbali agak luas dan terbuka dalam membicarakan *istibdal* yang boleh dilakukan terhadap wakaf masjid, namun pada hakikatnya pelaksanaan *istibdal* hanya boleh dilakukan sekiranya dilaksanakan kerana suatu keperluan (*darurah*). Contohnya, untuk meluaskan masjid, jalan, kawasan perkuburan atau sebagainya.

Mereka juga tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan hanya semata-mata untuk tujuan memperolehi hasil yang lebih banyak atau untuk mendapatkan keuntungan semata-mata dan

dalam masa yang sama harta wakaf tersebut masih memberi hasil dan manfaat serta masih menepati tujuan dan maksud perwakafan (Abu Zahrah t.th).

Selain itu, *istibdal* juga tidak harus dilaksanakan ke atas harta wakaf yang hanya mengalami kerosakan terlalu kecil sekalipun ianya ada kemungkinan boleh ditukarkan dengan sesuatu yang boleh memberikan hasil yang lebih banyak kepada penerima wakaf. Hal ini adalah kerana, keadaan yang sedemikian tidak dianggap sebagai suatu keperluan selagi mana tujuan dan kelangsungan wakaf masih terpelihara, melainkan manfaat harta wakaf tersebut benar-benar sedikit sehingga dibimbangi akan membawa kepada hilangnya manfaat tersebut atau kewujudan harta tersebut membebankan pihak penerima wakaf. Maka dalam hal ini, *istibdal* harus dilakukan (al-Maqdisi 2003).

Keharusan *istibdal* ke atas harta wakaf dalam mazhab Hanbali boleh dibahagikan kepada dua keadaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Taymiyyah (Sabiq 1983):

- a. *Istibdal* dilakukan kerana suatu keperluan (hajjah).
- b. *Istibdal* dilakukan kerana tuntutan *masalahah* yang jelas (rajihah).

Seterusnya, apabila *istibdal* boleh dilaksanakan terhadap suatu harta, maka harga jualannya akan digunakan bagi membeli sesuatu yang lain bagi menggantikan harta pertama yang diwakafkan. Bagi mazhab Hanbali, harta yang diganti tidak disyaratkan mesti terdiri daripada jenis harta yang sama. Ini kerana penggantian harta yang dibuat diambil kira daripada sudut pendapatan dan hasil bukannya jenis harta (Ibn Qudamah 1969).

Harta Wakaf yang Boleh Diistibdal

Kebanyakan ulama memberikan ruang *istibdal* terhadap harta wakaf yang tidak lagi memberikan sebarang manfaat kepada pemegang amanah wakaf atau harta wakaf tersebut tidak lagi bertepatan dengan tujuan wakaf juga *istibdal* dilakukan demi kepentingan awam.

Oleh itu, terdapat beberapa kategori harta wakaf yang boleh diistibdal menurut pandangan ulama iaitu:

- a. Harta alih (*Manqul*)

Ulama boleh katakan sepakat dalam mengharuskan *istibdal* ke atas harta wakaf daripada kategori harta alih (al-Kasnawi t.th, al-Shirazi 1995). Ini kerana ianya bertepatan dengan tujuan *istibdal* diharuskan iaitu merupakan satu cara agar dapat mengekalkan kelangsungan harta wakaf yang tidak lagi memberi sebarang hasil atau manfaat.

Namun demikian, terdapat sebahagian daripada ulama tidak mengharuskan *istibdal* dilakukan ke atas harta alih dan apabila terjadi kerosakan atau harta wakaf tersebut hampir musnah maka adalah lebih baik ianya dimusnahkan sahaja (al-Ramli 1993).

b. Harta tak alih ('*Aqar*)

Kebanyakan ulama mengharuskan *istibdal* dilakukan terhadap harta wakaf tak alih, namun ianya adalah diharuskan dalam konteks yang berbeza. Bagi ulama yang mengharuskan *istibdal* dilakukan ke atas harta tak alih telah menetapkan bahawa harta tersebut hendaklah digantikan dengan harta daripada kategori tak alih juga. Pendapat ini merupakan pendapat dari ulama mazhab Hanafi dan sebahagian ulama Maliki (al-Zuhayli 2002, Abu Zahrah t.th). Bahkan terdapat sebahagian ulama Hanafi menetapkan jika harta tak alih itu sebuah rumah maka hendaklah diganti dengan sebuah rumah juga atau tanah diganti dengan tanah juga (Ibn Abidin 1994).

Namun, menurut pendapat ulama mazhab Hanbali harta yang hendak diganti tidak dilihat dari sudut jenisnya tetapi ia dilihat dari sudut hasilnya yang boleh dimanfaatkan (Ibn Qudamah 1969).

c. Masjid

Dalam hal yang membabitkan wakaf masjid, hanya ulama mazhab Hanbali yang membolehkan *istibdal* masjid dengan masjid yang lain. Malah masjid boleh dijual atau diganti dengan sesuatu yang lain jika berlaku kerosakan atau runtuh. Begitu juga jika kerosakan yang berlaku itu hanya melibatkan sebahagian sahaja daripada masjid tersebut maka sebahagian yang rosak itu boleh dijual dan hasilnya digunakan bagi keperluan masjid tersebut.

Namun begitu, kebanyakan ulama lain berpendapat *istibdal* tidak harus dilakukan ke atas masjid kerana mereka berpendapat walaupun masjid itu roboh solat masih lagi boleh dilakukan di atas lantainya dan ianya kekal sebagai masjid (al-Ramli 1993, al-Shirazi 1995).

Syarat-syarat *Istibdal* Harta Wakaf

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan sesuatu *istibdal* ke atas harta wakaf. Syarat-syarat tersebut adalah merangkumi syarat yang telah ditetapkan oleh para fuqaha. Ianya boleh dibahagikan kepada dua kategori yang mana terdiri daripada syarat-syarat harta wakaf yang boleh *diistibdal* dan syarat-syarat harta yang dibeli daripada hasil jualan harta yang pertama atau harta yang hendak dijadikan sebagai ganti.

a. Syarat- syarat Harta Wakaf yang Boleh *Diistibdal* (Harta yang Pertama)

Secara umumnya, harta wakaf yang hendak dilibatkan dengan *istibdal* mestilah menepati beberapa syarat yang berikut:

i. Harta wakaf tersebut mestilah tiada lagi manfaat atau hasil yang boleh diperolehi.

Ianya merupakan pendapat semua ulama bahawa *istibdal* harus dilakukan sekiranya harta tersebut tiada lagi sebarang manfaat. Bahkan terdapat sebahagian ulama Shafi'i menegaskan

bahawa *istibdal* hanya boleh dilakukan apabila telah jelas harta tersebut tidak boleh dimanfaatkan oleh pemegang amanah wakaf (Abu Zahrah t.th).

- ii. Terjadinya kerosakan atau runtuh sama ada disebabkan bencana alam atau lainnya dan ianya tidak boleh digunakan lagi.

Jika kerosakan yang berlaku tidak mengganggu penggunaan harta wakaf, maka *istibdal* ke atas harta wakaf tersebut tidak boleh dilakukan kerana ianya masih menepati tujuan wakaf yang dibuat oleh pewakaf. Namun, menurut pendapat mazhab Hanbali, harta wakaf yang hanya mengalami sebahagian sahaja yang rosak masih boleh dilakukan *istibdal* dengan menjual bahagian yang mengalami kerosakan tersebut (al-Maqdisi 2001).

- iii. Harta wakaf tidak lagi menepati maksud perwakafan atau ianya bertentangan dengan objektif sesuatu wakaf dibuat.

Sebagai contoh, sebuah masjid yang didirikan bagi kegunaan orang Islam tidak lagi digunakan kerana tidak terdapat penduduk yang beragama Islam di sekelilingnya. Ataupun binatang yang diwakafkan bagi tujuan peperangan tetapi tidak lagi mempunyai kekuatan kerana sudah tua.

- iv. Kewujudan harta wakaf tersebut membebankan pihak penerima wakaf atau pemegang amanah wakaf.

Ianya berkemungkinan disebabkan oleh hasil yang diperolehi terlalu sedikit dan pembiayaan bagi menyelenggarakan harta tersebut lebih tinggi daripada hasil yang diperolehi.

- v. Harta tersebut tidak boleh dimanfaatkan mengikut tujuan asal pewakaf.

Sebagai contoh, seorang pewakaf mewakafkan sebidang tanah untuk didirikan masjid namun keluasan tanah tersebut tidak mencukupi untuk didirikan sebuah masjid di atasnya.

- vi. Harta wakaf tersebut perlu di*istibdal* kerana terdapat masalah atau *istibdal* dilakukan supaya memenuhi keperluan umum masyarakat.

Keperluan umum masyarakat yang dimaksudkan adalah seperti pembinaan pembesaran masjid, sekolah atau jalan untuk kemudahan masyarakat setempat yang terpaksa melibatkan tanah wakaf yang berhampiran. Oleh itu, tanah wakaf tersebut harus dilibatkan dengan *istibdal*.

- vii. Harta wakaf yang dibimbangi akan musnah ataupun mengalami kerosakan dan dikhuatiri akan menyebabkan hilangnya manfaat harta tersebut.

Kebiasaannya, ia melibatkan harta wakaf daripada kategori harta alih kerana ianya lebih wajar dijual atau di*istibdal* agar dapat menjamin kelangsungan wakaf yang dibuat oleh pewakaf.

- viii. Harta wakaf tersebut tidak boleh *diistibdal* bagi tujuan memperolehi hasil yang banyak semata-mata demi mendapatkan keuntungan.

Sebagai contoh harta wakaf tersebut masih ada manfaat dan hasil yang boleh diambil atau harta wakaf tersebut masih menepati tujuan asal wakaf. Dalam hal ini, ia tidak boleh *diistibdalkan*.

b. Syarat-syarat Harta yang Hendak Dijadikan Sebagai Ganti (Harta yang Kedua)

Syarat-syarat yang dinyatakan adalah merangkumi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama fiqh iaitu:

- i. Harta tersebut mestilah yang lebih baik daripada harta wakaf yang asal samada dari segi hasil atau manfaat, nilai, kuantiti, keluasan dan sebagainya agar pahala wakaf itu terus kekal seperti mana kekalnya harta wakaf itu.

Misalnya, harta wakaf yang ditukar itu merupakan sebidang tanah seluas satu ekar maka adalah lebih baik ianya diganti dengan tanah yang lebih luas dan lebih banyak hasil yang boleh diperolehi berbanding dengan tanah wakaf yang asal.

- ii. Harta tersebut mestilah suatu harta dari kategori harta yang sama iaitu harta tak alih mestilah diganti dengan harta tak alih juga.

Menurut pendapat mazhab Hanbali, kategori harta tidak menjadi syarat kepada harta yang diganti. Namun yang diambil kira dalam pelaksanaan *istibdal* ialah hasil yang bakal diperolehi daripada harta kedua. Dengan maksud perkataan lain, harta alih boleh diganti dengan harta tak alih (Ibn Qudamah 1969).

- iii. Tidak harus diganti dengan wang kerana ditakuti akan berlaku penyelewengan di pihak pentadbir wakaf.

Sebagai contoh, tanah wakaf yang dilibatkan dengan *istibdal* tidak ditukar dengan suatu harta tak alih malah ditukar dengan sejumlah wang yang lebih banyak nilainya daripada nilai jualan tanah wakaf tersebut. Wang yang diperolehi berkemungkinan boleh digunakan oleh pihak pentadbir yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan sendiri tanpa mengambil langkah untuk menggantikan harta tersebut dengan suatu yang lebih bermanfaat dan kekal lama.

- iv. Harta tersebut mestilah harta yang boleh dimanfaatkan dan mendatangkan hasil bagi suatu tempoh yang panjang.

Selain daripada syarat-syarat di atas, Qadi juga perlu memainkan peranan sebagai pihak yang bertanggungjawab dan ianya merupakan peranan yang sangat penting dalam sesuatu pelaksanaan *istibdal*.

Rentetan daripada kenyataan di atas, al-Tartusi ada menyatakan beberapa tindakan yang harus dilakukan oleh Qadi dalam melaksanakan sesuatu *istibdal* iaitu: (Abu Zahrah t.th).

- a. Qadi perlu menjalankan siasatan sendiri ataupun menyelidik seboleh mungkin terhadap kedua-dua harta wakaf itu dan harta yang hendak dijadikan sebagai ganti.
- b. Qadi perlu melantik dua orang pakar yang adil bagi menjalankan siasatan berkaitan keperluan *istibdal* sama ada ianya boleh dilakukan atau tidak. Bagi pelaksanaan sesuatu *istibdal* itu mestilah berdasarkan kepada kelulusan yang dibuat oleh Qadi.
- c. Qadi perlulah membuat catatan berkenaan kelulusan sesuatu *istibdal* yang telah diberikan berpandukan terhadap siasatan yang telah dibuat oleh dua orang pakar yang dilantik. Di samping itu, Qadi juga akan memberikan kelulusan setelah mendapati *istibdal* yang akan dilakukan benar-benar boleh menjamin *masalahah* harta wakaf tersebut.

Kesimpulan

Ulama telah mengharuskan *istibdal* terhadap harta wakaf dalam konteks yang berbeza-beza. Apajua persepsi yang telah diberikan oleh ulama, sesuatu *istibdal* itu mestilah dilakukan berdasarkan kepada sesuatu keperluan samada demi memelihara kemaslahatan harta wakaf itu sendiri atau demi memenuhi kepentingan awam.

Dalam perbincangan sebelum ini, ulama lebih banyak menyentuh perkara berkenaan *istibdal* yang dilakukan terhadap harta wakaf daripada harta tak alih berbanding harta alih. Ini berkemungkinan, pelaksanaan *istibdal* ke atas harta tak alih lebih banyak memberi manfaat dan hasil yang boleh diaplikasikan demi kebaikan serta ianya lebih kekal lama berbanding harta alih. Ulama juga membincangkan berkenaan *istibdal* wakaf masjid yang secara umumnya ia tidak diharuskan oleh kebanyakan ulama.

Di samping itu, ulama turut mengkategorikan *istibdal* sebagai suatu amalan yang boleh mengundang perlara-perkara yang tidak baik seperti penyelewengan dan sebagainya. Oleh itu, pelaksanaan *istibdal* memerlukan langkah berhati-hati (*ihitiyatt*) agar dapat menjamin sesuatu *istibdal* yang dilakukan benar-benar berlandaskan prinsip dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam Islam.

Rujukan

Al-Quran.

Abu Zahrah, Muhammad. t.th. *Muhadarat fi al-Waqf*. Qaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

Basha, Muhammad Qadri. 1347H/1928. *Qanun al-‘Adl wa al-Insaf li al-Qada’ ‘ala Mushkilat al-Awqaf*. t.tp: Maktabat al-Ahram.

al-Dardir, Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad. t.th. *al-Sharh al-Saghir ‘ala Aqrabu al-Masalik*. Jil. 4. t.tp.: Dar al-Ma’arif.

Ibn al-‘Abidin, Muhammad Amin al-Shahir. 1415H/1994. *Radd al-Mukhtar ‘ala Durr al-Mukhtar*. Jil. 6. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad ibn ‘Abd al-Wahid. 1397H/1977. *Sharh Fath al-Qadir*. Ed. ke-2. Jil. 6. t.tp. Dar al-Fikr.

- Ibn Qudamah, Abi Muhammad ‘Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad. 1389H/1969. *Al-Mughni li Ibn Qudamah*. Jil. t.tp.: Maktabat al-Qahirah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Taymiyyah. 1412H/1991. *Majmu’ Fatawa*. Jil. 31. t.tp: Dar al-‘Alim al-Kutub.
- al-Kasnawi, Abi Bakr ibn Hassan. t.th. *Ashal al-Madarik Sharh Irshad al-Salik fi Fiqh Imam al-Aimmah Malik*. Jil. 3. t.tp.: ‘Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Maqdisi, ‘Abd Allah ibn Qudamah. 1412H/2001. *al-Kafi fi fiqh al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Maqdisi, Shams al-Din Abi Farj ‘Abd al-Rahman ibn Abi ‘Umar Muhammad ibn Ahmad ibn Qudamah. t.th. *al-Mughni wa Sharh al-Kabir*. Jil. 6. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Qal’aji, Muhammad Rawwas. 1405H/1985. *Mu’jam Lughah al-Fuqaha’*. Bayrut: Dar al-Nafais.
- al-Ramli, Shihab al-Din Muhammad ibn Abi al-‘Abas ibn Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al-Din. 1414H/1993. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Jil. 5. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sabiq al-Sayyid. 1403H/1983. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 3. t.pt.: Dar al-Fikr.
- al-Sarkhasi, Shams al-Din. t.th. *Kitab al-Mabsut*. Jil. 11. Mesir: Matba’ah al-Sa’adah.
- al-Shirazi, Abi Ishaq Ibrahim ibn ‘Ali ibn Yusuf al-Fayruzabadi. 1995. *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi’i*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1422H/2002. *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 10. Bayrut: Dar al-Fikr al-Ma’asir.